

Analisis Hubungan Pembangunan Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi: Perbandingan Pasaran Antarabangsa

*(An Analysis on the Relationship of Tourism Industry Development and Economic Growth:
A Comparison of International Markets)*

Redzuan Othman
Norlida Hanim Mohd Salleh
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Pada peringkat awal, pembangunan industri pelancongan adalah tertumpu di Eropah dan Amerika Utara. Dengan sejarah keterlibatan yang lama dalam sektor ini, menyebabkan kawasan ini menjadi pasaran pelancongan yang kukuh dan terkenal di peringkat global pada hari ini. Sumbangan sektor pelancongan kepada negara ini telah merangsang negara baru khususnya negara membangun untuk turut memajukan industri pelancongan. Ini menjadikan industri pelancongan semakin berkembang dalam tempoh dua dekad yang lalu dan muncul sebagai antara industri yang penting dan penyumbang utama kepada ekonomi negara membangun, terutama dari segi pendapatan eksport. Kajian ini cuba mengenalpasti faktor penentu kepada perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi. Kajian ini juga cuba menentukan kewujudan dan arah hubungan jangka panjang antara industri pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi. Kajian ini melibatkan lapan negara, iaitu empat negara maju (iaitu United Kingdom, Amerika Syarikat, Itali dan Sepanyol) dan empat negara lagi dari pasaran baru (iaitu China, Hong Kong, Malaysia dan Singapura). Persoalan ini diuji menggunakan analisis kointegrasi dan ujian penyebab Granger. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan satu hala antara perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi. Bagi negara United Kingdom, Itali, Hong Kong dan Singapura perkembangan industri pelancongan didapati mempengaruhi pertumbuhan ekonomi, sementara bagi negara Amerika Syarikat, Sepanyol, Malaysia dan China pertumbuhan ekonomi yang merangsang perkembangan industri pelancongan.

Kata kunci: industri pelancongan; pertumbuhan ekonomi; pasaran antarabangsa; kointegrasi; ujian penyebab Granger

ABSTRACT

The early development of tourism industry was mostly originated from the European and the Northern American countries. Due to their long history in tourism industry, these countries are now known as the most established tourist destinations globally. The significant contributions of tourism industry to the economy have stimulated new countries, especially developing economies to participate in developing their tourism industry. In the last two decades, tourism had emerged as one of the key industries and major contributor to the economies of developing countries, especially in terms of export earnings. This study attempts to identify factors affecting the development of tourism industry and economic growth. It also tries to determine the existence and direction of long run relationship between tourism development and economic growth. The study involved eight countries, four from developed countries (the United Kingdom, United States, Italy and Spain) and another four from the emerging markets (China, Hong Kong, Malaysia and Singapore). The research questions are tested using cointegration method and the Granger causality test. The study found that one-way relationship existed between tourism development and economic growth. For the United Kingdom, Italy, Hong Kong and Singapore, the growth of the tourism industry contributes towards economic growth, while for the United States, Spain, Malaysia and China, the growth of the economy is the leading factor to tourism development.

Keywords: tourism industry; economic growth; international markets; cointegration; Granger causality test

PENGENALAN

Perkembangan pesat industri pelancongan berjaya menjadi penyumbang utama (10.3%) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia dan menjana 234 juta

pekerjaan atau 8.2% jumlah keseluruhan guna tenaga pada 2006. Dengan unjuran kebanjiran 1.1 billion pelancong pada tahun 2010, keadaan ini tambah merancakkan lagi perkembangan industri pelancongan dunia dan di setiap negara. Melihat kepada ketibaan pelancong ke setiap



negara, ketibaan pelancong masih didominasi oleh pasaran konvensional yang kukuh (*established market*) seperti pasaran Amerika dan Eropah, walaupun terdapat arah aliran peningkatan yang semakin berkurangan. Kebelakangan ini pasaran baru seperti Afrika, Asia dan Pasifik serta Timur Tengah mula menunjukkan permintaan pelancongan yang menggalakkan (WTO 2008).

Dari segi statistik, pasaran Amerika dan Eropah misalnya, masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3% dan 6.1% berbanding dengan purata pertumbuhan keseluruhan dunia sebanyak 6.4%. Manakala bagi pasaran pelancongan baru mengalami pertumbuhan yang lebih tinggi khususnya pasaran Asia dan Pasifik dengan kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 12.5% diikuti oleh pasaran Timur Tengah dan Afrika yang masing-masing sejumlah 9.9% dan 8.0% (WTO 2008). Walau apa sekalipun alasan peralihan pasaran ini, namun yang lebih penting peralihan ini perlu dimanfaatkan terutama oleh negara yang menjadi destinasi baru pelancong untuk mengaut limpahan ekonomi yang terjana khususnya sebagai penyumbang pertumbuhan KDNK dan gunatena.

Melihat kepada pentingnya perkembangan industri pelancongan dalam menjana pertumbuhan ekonomi, kajian ini ingin melihat kewujudan hubungan jangka panjang antara keduanya. Untuk tujuan tersebut analisis kointegrasi akan dilakukan. Perkembangan industri pelancongan adalah diprosikan oleh bilangan ketibaan pelancong sementara pertumbuhan ekonomi diprosikan oleh KDNK. Dua kawasan menjadi pilihan kajian iaitu negara yang kukuh pembangunan industri pelancongannya (*established market*) terdiri dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Itali dan Sepanyol dengan negara-negara baru (*newly market*) iaitu China, Hong Kong, Malaysia dan Singapura.

Sekiranya terdapat hubungan antara keduanya, arah hubungan penyebabnya turut akan dikaji iaitu apakah perkembangan industri pelancongan sebagai perangsang atau penyebab kepada pertumbuhan ekonomi (*tourism led-economic growth*) atau sebaliknya (*growth-led tourism expansion*). Susunatur perbincangan akan disusuli dengan; 2) Sorotan kajian lepas; 3) Metodologi Kajian dan Keputusan Empirik; 4) Kesimpulan.

KAJIAN LEPAS

Kajian hubungan jangka panjang dan analisis sebab penyebab antara beberapa pemboleh ubah ekonomi telah banyak dilakukan. Antaranya kajian oleh Balassa (1977), Esfahani (1991), Dodaro (1993) dan Amoateng & Amoaka (1996) yang mengkaji hubungan antara galakan eksport dan pertumbuhan ekonomi. Hasil kajian mendapati galakan dalam eksport meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Sementara kajian oleh Demetriades & Hussein (1996), Murinde & Eng (1994) dan Thornton (1997) dalam sektor kewangan pula mendapati pembangunan sektor kewangan menyokong kepada pertumbuhan ekonomi.

Dalam konteks perbelanjaan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi pula, hasil kajian didapati berbeza antara pengkaji. Ram (1986) dan Grossman (2003) mendapati saiz perbelanjaan dan pertumbuhan ekonomi mempunyai hubungan langsung yang positif. Ini disokong oleh kajian Ghali (1998) yang turut mendapati terdapat hubungan penyebab antara perbelanjaan kerajaan dengan pertumbuhan ekonomi di negara OECD. Manakala kajian Dalamagas (2000) di Greece mendapati keputusan yang sebaliknya iaitu hubungan negatif antara kedua pemboleh ubah yang dikaji.

Dalam aspek pelaburan langsung asing (FDI) hasil kajian yang diperoleh antara pengkaji adalah tidak sama. Kajian FDI di 69 buah negara membangun oleh Borenstein & Lee (1998) FDI merupakan sebagai kaedah penting kepada pemindahan teknologi dan membawa kepada pertumbuhan ekonomi negara terbabit. Dari segi hubungan sebab menyebabkan pula kajian Shan (2002) dan Liu et al. (2002) mendapati terdapat hubungan dua hala antara FDI dengan pertumbuhan output di China. Kajian Mohd Azlan et al. (2003) mendapati arah sebab penyebab antara FDI dan pertumbuhan ekonomi antara Negara Maju (NM) dan Negara Sedang Membangun (NSM) adalah tidak selaras.

Analisis yang melihat hubungan perkembangan sektor pelancongan dan pertumbuhan ekonomi ini agak baru dalam bidang pelancongan. Hanya terdapat beberapa kajian seumpamanya, antaranya Balaguer & Cantavella-Jorda (2002) di Sepanyol mendapati perkembangan dalam pelancongan menjadi penyebab kepada pembangunan ekonomi dalam satu arah sahaja. Di Greece kajian oleh Dritakis (2005) pula menunjukkan terdapat dua arah penyebab antara perkembangan pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi. Manakala pengalaman di Korea Selatan yang dicatatkan oleh Oh (2005) menunjukkan wujudnya hubungan satu arah antara perkembangan pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi. Di Taiwan pula kajian oleh Kim et al. (2005) menunjukkan hubungan dua hala antara pelancongan dengan pertumbuhan ekonomi iaitu kedua-dua saling menyokong.

METODOLOGI KAJIAN DAN KEPUTUSAN EMPIRIKAL

DATA

Kajian ini mengguna pakai data siri masa yang diambil dari bahagian Statistik Pelancongan Malaysia Kementerian Pelancongan, World Tourism Organization dan World Development Indicator untuk tempoh 1976-2005 dan 1980-2005. Perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi adalah diprosikan oleh bilangan ketibaan pelancong dan KDNK pada harga konstan. Pertumbuhan pelancongan adalah diprosikan oleh bilangan ketibaan pelancong sebagaimana kajian Wang & Godbey (1994). Bagaimanapun penggunaan pendapatan daripada pelancongan juga boleh digunakan

sebagai proksi kepada pertumbuhan pelancongan seperti dinyatakan oleh Kim et al. (2005). Kedua-dua pemboleh ubah ini dinotasikan sebagai *LUKSAR* dan *LUKSGDP* (United Kingdom), *LUSAR* dan *LUSGDP* (Amerika), *LITAR* dan *LITGDP* (Itali), *LSPAR* dan *LSPGDP* (Sepanyol), *LCAR* dan *LCGDP* (China), *LHKAR* dan *LHKGDP* (Hong Kong), *LMAR* dan *LMGDP* (Malaysia) serta *LSGAR* dan *LSGGDP* (Singapura). Kedua-dua pemboleh ubah adalah dalam bentuk logaritma.

METODOLOGI, SPESIFIKASI MODEL DAN KEPUTUSAN EMPIRIKAL

Dalam usaha memahami gelagat atau hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah ekonomi ini, kajian ini menggunakan kaedah kointegrasi Johansen (1988, 1991) and Johansen and Juselius (1990). Cheung dan Ng (1998) menyatakan prosedur Johansen adalah lebih efisien berbanding dengan *two-step approach* oleh Engle and Granger (1987). Sementara Gonzalo (1994) pula menyatakan prosedur Johansen memiliki *finite-sample properties*. Pra-syarat penting yang perlu dipenuhi dalam mengaplikasikan kaedah kointegrasi Johansen ini data mestilah bersifat pegun pada aras (order) yang sama. Untuk tujuan tersebut, dalam analisis ini terlebih dahulu ujian kepegunan (unit roots test) perlu dilakukan. Setelah pra-syarat ini dipenuhi, barulah ujian kointegrasi dapat dilakukan. Ini disusuli pula dengan ujian penyebab Granger bagi tujuan mengenalpasti hala atau arah hubungan antara pemboleh ubah ekonomi yang dikaji.

UJIAN UNIT ROOT

Ujian formal boleh dilakukan untuk mengenalpasti kepegunan data siri masa. Kajian ini menggunakan ujian

Augmented Dickey Fuller (Dickey and Fuller, 1979). Keputusan ujian ADF adalah seperti ditunjukkan oleh Jadual 1. Kesemua pemboleh ubah diuji pada peringkat tingkat (level) dan pembezaan pertama dengan memasukkan elemen intersep dan trend.

Keputusan menunjukkan pemboleh ubah perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan di negara-negara yang dikaji adalah tidak pegun pada peringkat tingkat sama ada pada 1%, 5% mahupun 10% aras signifikan yang dipilih. Ini bermakna kesemua pemboleh ubah dengan intersep serta intersep dan trend yang digunakan dalam kajian mempunyai unit root.

Data yang tidak pegun akan melalui proses pembezaan untuk menjadikannya pegun. Jika memerlukan d kali pembezaan untuk membolehkannya pegun, maka dikatakan data/siri masa ini berintegrasi pada darjah d, dan dinotasikan sebagai I(d). Proses yang sama dilakukan ke atas data-data yang tidak pegun dalam kajian ini. Keputusan yang diperoleh seperti di Jadual 1 kolom (5) dan (6) menunjukkan kesemua data adalah pegun selepas pembezaan pertama. Oleh itu, kesemua data dalam kajian adalah berintegrasi pada darjah yang sama iaitu I(1).

Dijangkakan terdapatnya hubungan jangka panjang sekiranya data adalah berintegrasi pada darjah yang sama. Dalam konteks kajian ini, sekiranya perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi di negara China sebagai contoh dan dinotasikan sebagai *LCSAR* dan *LCGDP* adalah berintegrasi pada darjah yang sama katakan I(1), maka dijangkakan kedua-duanya mempunyai hubungan jangka panjang (Granger 1986). Untuk memastikan hubungan jangka panjang tersebut benar-benar wujud bagi data siri masa ini maka ujian hubungan jangka panjang (kointegrasi) perlu dilakukan.

JADUAL 1. Ujian unit root pada peringkat tingkat dan pembezaan pertama

Negara egara	Penambahan	Augmented Dickey-Fuller (ADF)				
		Pemboleh ubah	Peringkat tingkat (level) $T\mu$	$T\tau$	Pembezaan Pertama $T\mu$	$T\tau$
Pasaran Kuku	UK	LUKAR	-1.720	-2.1107	-4.2213***	-4.3861**
		LUKSGDP	-3.0866	-0.4496	-4.1774***	-3.6940***
	Amerika	LUSAR	-1.7749	-1.3181	-5.1577***	-5.5918***
		LUSGDP	-0.0142	-3.5703	-3.9030*	-3.8080**
	Itali	LITAR	-1.9193	-3.2441	-5.2017***	-5.3047***
		LITGDP	-2.1472	-1.9171	-2.7311*	-3.3642*
Spain	LSPAR	-1.9842	-1.9259	-3.5788**	-3.4660***	
	LSPGDP	1.0713	-3.2662	-3.8537**	-4.4553**	
Pasaran Baru	China	LCAR	-1.2504	-3.1957	-4.3742**	-4.4988**
		LCGDP	-1.0757	-0.8856	-3.5909**	-3.5916**
	Hong Kong	LHKAR	-0.0545	-2.8470	-6.1233***	-6.0223***
		LHKGDP	-2.4285	-2.3711	-4.3289***	-4.7313***
	Malaysia	LMSAR	-0.6590	-2.9645	-5.3303***	-5.2262***
		LMSGDP	-0.9831	-1.3769	-4.0834***	-4.0715***
Singapura	LSGAR	-0.8521	-1.2929	-7.0930***	-7.1708***	
	LSGGDP	-0.9544	-1.7088	-4.1441***	-4.3471***	

Nota: Augmented Dickey-Fuller (ADF), $T\mu$ dengan konstan tanpa arah aliran dan $T\tau$ dengan konstan dan arah aliran. ***, ** dan * adalah signifikan pada 1%, 5% dan 10%.

UJIAN KOINTEGRASI

Ujian kointegrasi yang dipelopori oleh Johansen (1988) dan Johansen and Juselius (1990) digunakan dalam kajian ini. Daripada ujian ini, bilangan/vektor kointegrasi yang diperoleh memberi makna terdapatnya hubungan jangka panjang antara pemboleh ubah yang dipilih dalam kajian. Bilangan/vektor ini adalah berasaskan daripada dua ujian *Likelihood Ratio* iaitu *trace* statistik (λ_{trace}) dan *maximal eigenvalue* (λ_{max}). Sebelum ujian kointegrasi dilakukan adalah penting terlebih dahulu menentukan lat optimal yang digunakan. Kajian ini mengguna pakai kriteria AIC. Berdasarkan kriteria AIC, lat optimal bagi ujian kointegrasi bagi setiap negara yang dikaji adalah United Kingdom (4), Amerika Syarikat (2), Itali (4), Spain (4), China (1), Hong Kong (2), Malaysia (2) dan Singapura (1). Keputusan ujian kointegrasi Johansen pada lat optimal adalah ditunjukkan di Jadual 2 dan 3.

Daripada Jadual 2, λ_{trace} menunjukkan terdapatnya satu persamaan kointegrasi. Begitu juga pada Jadual 3, λ_{max} juga menunjukkan terdapat satu persamaan kointegrasi antara pemboleh ubah bagi setiap negeri yang menjadi pilihan kajian. Jelas ujian Johansen menunjukkan terdapatnya hubungan jangka panjang antara perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi.

UJIAN GRANGER CAUSALITY

Engle and Granger (1987) dan Granger (1988) menyatakan sekiranya terdapat dua pemboleh ubah data siri masa yang berkointegrasi atau wujud hubungan jangka panjang, maka sekurang-kurangnya terdapat satu hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah. Oleh kerana ujian kointegrasi yang dilakukan memperakukan kewujudan hubungan

jangka panjang antara pemboleh ubah bagi setiap negara yang menjadi pilihan kajian, maka bagi mengetahui arah hubungan sebab penyebab perlu dilakukan.

Hubungan sebab penyebab ini penting bagi pengujian hipotesis sama ada perkembangan industri pelancongan adalah penyebab kepada pertumbuhan ekonomi (tourism led-economic growth) atau sebaliknya pertumbuhan ekonomi sebagai penyebab perkembangan industri pelancongan (growth-led tourism expansion). Hubungan penyebab antara perkembangan industri pelancongan dan pertumbuhan ekonomi dilakukan dalam VECM model dan dapat ditunjukkan seperti persamaan-persamaan (1) hingga (16) dibawah.

$$\bullet \text{ UK } \Delta LUKAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^n \alpha_{2i} \Delta LUKAR_{t-1} + \sum_{i=1}^n \beta_{2i} \Delta LUKGDP_{t-1} + ECT_{T-1} + e_{2t} \quad (1)$$

$$\Delta LUKGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LUKGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LUKAR_{t-1} + e_{1t} \quad (2)$$

$$\bullet \text{ USA } \Delta LUSAAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LUSAAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LUSAGDP_{t-1} + e_{2t} \quad (3)$$

$$\Delta LUSAGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LUSAGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LUSAAR_{t-1} + e_{1t} \quad (4)$$

JADUAL 2. Johansen dan Juselius Trace λ_{trace}

Negara	Hipotesis	Trace Statistik			Nilai kritikal	
		H ₀	H _a	(λ_{trace})	95%	Kebarangkalian
Pasaran Kukuh	United Kingdom	r = 0	r ≥ 1	29.6976*	25.8721	0.02
	LUKSAR-LUKSGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	4.1572	12.5179	0.72
	United State	r = 0	r ≥ 1	26.0546*	25.8721	0.05
	LUSAR-LUSGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	7.1100	12.5179	0.33
	Italy	r = 0	r ≥ 1	29.4251*	25.8721	0.02
	LITAR-LITGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	8.5964	12.5179	0.21
	Spain	r = 0	r ≥ 1	27.6484*	25.8721	0.03
Pasaran Baru	LSPAR-LSPGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	7.5114	12.5179	0.29
	China	r = 0	r ≥ 1	28.2109*	25.8721	0.03
	LCAR-LCGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	28.8159	12.5179	0.19
	Hong Kong	r = 0	r ≥ 1	36.09988*	25.8721	0.00
	LHKAR-LHKGDP	r ≤ 1	r ≥ 2	5.5973	12.5179	0.51
	Malaysia	r = 0	r ≥ 1	29.2676*	25.8721	0.02
	LMAR-LMGDP	r = 0	r ≥ 1	4.6648	12.5179	0.64
	Singapura	r ≤ 1	r ≥ 2	18.2156*	15.4947	0.02
	LSGAR-LSGGDP	r = 0	r ≥ 1	2.2676	3.8418	0.13

Nota: λ_{trace} menunjukkan nombor (rank) kointegrasi dikalangan pemboleh ubah.

Ujian Trace mengenalpasti wujud 1 persamaan kointegrasi pada aras 5% darjah keertian.

JADUAL 3. Johansen and Juselius maximum eigenvalue $\lambda_{\max} \lambda_{\text{trace}}$

Negara	Hipotesis	Trace Statistik			Nilai kritikal	
		H ₀	H _a	(λ_{trace})	95%	Kebarangkalian
Pasaran Kukuh	United Kingdom	r = 0	r = 1	25.5449*	19.3870	0.01
	LUKSAR-LUKSGDP	r = 1	r = 2	4.1527	12.5179	0.71
	United State	r = 0	r = 1	18.9445*	19.3870	0.05
	LUSAR-LUSGDP	r = 1	r = 2	7.1100	12.5179	0.33
	Italy	r = 0	r = 1	20.8287*	19.3870	0.03
	LITAR-LITGDP	r = 1	r = 2	8.5964	12.5179	0.20
	Spain	r = 0	r = 1	20.1369*	19.3870	0.03
	LSPAR-LSPGDP	r = 0	r = 1	7.5114	12.5179	0.29
Pasaran Baru	China	r = 1	r = 2	28.2109*	25.8721	0.02
	LCAR-LCGDP	r = 0	r = 1	18.8159	12.5179	0.19
	Hong Kong	r = 1	r = 2	30.5025*	19.3870	0.01
	LHKAR-LHKGDP	r = 0	r = 1	5.5973	12.5179	0.51
	Malaysia	r = 0	r = 1	24.6028*	19.3870	0.00
	LMAR-LMGDP	r = 1	r = 2	4.6648	12.5179	0.64
	Singapura	r = 0	r = 1	15.9479*	14.2646	0.03
	LSGAR-LSGGDP	r = 1	r = 2	2.2676	3.8414	0.13

Nota: λ_{\max} menunjukkan nombor (rank) kointegrasi dikalangan pemboleh ubah.

Ujian maximal eigenvalue mengenalpasti wujud 1 persamaan kointegrasi pada aras 5% darjah keertian

• Italy $\Delta LITAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LITAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LITGDP_{t-1} + e_{2t}$ (5)

$\Delta LUSAGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LUSAGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LUSAAR_{t-1} + e_{1t}$ (6)

• Spain $\Delta LSPAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LSPAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LSPGDP_{t-1} + e_{2t}$ (7)

$\Delta LSPGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LSPGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LSPAR_{t-1} + e_{1t}$ (8)

• China $\Delta LCAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LCAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LCGDP_{t-1} + e_{2t}$ (9)

$\Delta LCGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LCGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LCAR_{t-1} + e_{1t}$ (10)

• Hong Kong

$\Delta LHKAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LHKAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LHKGDP_{t-1} + e_{2t}$ (11)

$\Delta LHKGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LHKGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LHKAR_{t-1} + e_{1t}$ (12)

• Malaysia

$\Delta LMSAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LMSAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LMSGDP_{t-1} + e_{2t}$ (13)

$\Delta LMSGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LMSGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LMSAR_{t-1} + e_{1t}$ (14)

• Singapura

$\Delta LSGAR_t = \mu_2 + \sum_{i=1}^l \alpha_{2i} \Delta LSGAR_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{2i} \Delta LSGGDP_{t-1} + e_{2t}$ (15)

$\Delta LSGGDP_t = \mu_1 + \sum_{i=1}^l \alpha_{1i} \Delta LSGGDP_{t-1} + \sum_{i=1}^l \beta_{1i} \Delta LSGAR_{t-1} + e_{1t}$ (16)

Dengan μ adalah komponen deterministik, Δ adalah perubahan, e_t adalah *white noise* sementara $LUKAR$, $LUSAR$, $LITAR$, $LSPAR$, $LCAR$, $LHAR$, $LMSAR$, $LSGAR$ adalah perkembangan industri pelancongan dan $LUKGDP$, $LUSGDP$, $LITGDP$, $LSPGDP$, $LCGDP$, $LHKGDP$, $LMSGDP$, $LSGGDP$ adalah pertumbuhan ekonomi. Keputusan ujian penyebab Granger ditunjukkan di Jadual 4. Kedua-dua hipotesis diuji dengan menggunakan ujian F. Hasil kajian yang di rumuskan dalam Jadual 4 menerangkan hanya terdapat hubungan satu hala sahaja antara kedua-dua pemboleh ubah yang digunapakai untuk kedua-dua pasaran kukuh dan pasaran baru. Ini bermakna sama ada industri pelancong sebagai penyebab (peransang) kepada pertumbuhan ekonomi atau pertumbuhan ekonomi yang membantu perkembangan industri pelancongan.

JADUAL 4. Ujian penyebab Granger antara pertumbuhan pelancongan dan pertumbuhan ekonomi dalam VECM

	Negara	Pemboleh ubah	Δ LTA	Δ LGDP	ΣC_{t-1}	AR(1)	ARCH(1)	CUSUM	NORM	
Pasaran kukuh	United Kingdom	Δ LTA	-	0.6575	0.0249 (0.01)	3.6744 (0.37)	1.1333 (0.50)	Nsb	0.6511 (0.72)	
		Δ LGDP	4.1487*	-	0.0348 (0.02)	79.7491 (0.12)	0.7815 (0.68)	Nsb	0.2749 (0.87)	
	Syarikat	Δ LTA	-	2.9747*	0.0133 (0.02)	1.6673 (0.2219)	0.2807 (0.94)	Nsb	0.5079 (0.77)	
		Δ LGDP	0.0999	-	-0.5664 (0.15)	0.1625 (0.85)	0.3619 (0.89)	Nsb	0.9144 (0.63)	
	Sepanyol	Δ LTA	-	3.6855**	-0.3455 (0.13)	1.0182 (0.44)	1.2029 (0.37)	Nsb	4.7877 (0.10)	
		Δ LGDP	0.5397	-	0.0066 (0.00)	1.0264 (0.44)	0.9602 (0.51)	Nsb	0.9778 (0.61)	
	Itali	Δ LTA	-	0.0938	-0.9966 (0.45)	0.4421 (0.81)	0.7266 (0.70)	Nsb	0.3029 (0.86)	
		Δ LGDP	3.1770**	-	0.0288 (0.01)	0.1518 (0.97)	0.4656 (0.90)	Nsb	0.3362 (0.85)	
	Pasaran Baru	China	Δ LTA	-	2.8533**	-0.6403 (0.12)	1.2156 (0.37)	2.6718 (0.06)	Nsb	0.4102 (0.81)
			Δ LGDP	0.7672	-	0.0448 (0.02)	2.5592 (0.11)	2.4927 (0.07)	Nsb	2.0190 (0.36)
		Hong Kong	Δ LTA	-	1.5624	-1.4978 (0.65)	0.4679 (0.79)	0.6582 (0.75)	Nsb	0.2624 (0.87)
			Δ LGDP	3.7448**	-	0.4673 (0.12)	0.5249 (0.75)	0.4747 (0.88)	Nsb	4.8068 (0.10)
Malaysia		Δ LTA	-	3.774**	-1.167 (0.251)	0.398 (0.68)	1.229 (0.33)	Nsb	1.314 (0.52)	
		Δ LGDP	0.082	-	0.062 (0.08)	0.286 (0.75)	1.705 (0.17)	Nsb	0.025** (0.000)	
Singapura		Δ LTA	-	1.6224	1.3015 (0.63)	11.6972 (0.22)	1.0004 (0.56)	Nsb	0.5904 (0.74)	
		Δ LGDP	7.2402**	-	-0.3566 (0.05)	31.2360 (0.13)	0.8591 (0.63)	Nsb	0.6221 (0.73)	

Nota: ** dan * signifikan pada 5% dan 10% aras keertian.

Angka dalam kurungan () menunjukkan sisihan piawai.

Nsb adalah singkatan bagi *no structural break* dalam siri masa digunakan untuk kajian.

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tiada satu kesamaan bentuk hubungan antara pasaran kukuh dan pasaran baru. Bagi pasaran kukuh United Kingdom dan Itali didapati industri pelancongan yang merangsang kepada pertumbuhan ekonomi manakala bagi negara Amerika Syarikat dan Sepanyol pula pertumbuhan ekonomi pula yang mempengaruhi perkembangan industri pelancongan. Bagi pasaran baru pula didapati di Malaysia dan China pertumbuhan ekonomi adalah signifikan mempengaruhi perkembangan industri pelancongan manakala bagi Hong Kong dan Singapura pula industri pelancongan yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

Di negara maju seperti United Kingdom dan Itali tidak dapat dinafikan bahawa industri pelancongan di negara berkenaan amat penting dan sumbangan industri ini kepada pertumbuhan ekonomi agak ketara. Kerana itu perkembangan industri ini begitu mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara berkenaan. Bagi negara

Amerika Syarikat dan Sepanyol yang mempunyai asas ekonomi yang lebih pelbagai turut membantu perkembangan industri pelancongan mereka. Perkembangan dalam sektor lain terutamanya kemudahan infrastruktur dan industri yang berkaitan dengan pelancongan turut membantu mengembangkan industri pelancongan.

Di negara pasaran baru, iaitu China dan Malaysia pula didapati pertumbuhan ekonomi mempengaruhi perkembangan industri pelancongan. Ini mungkin disebabkan ekonomi Malaysia dan China mempunyai asas yang luas dan pelbagai yang membantu perkembangan industri pelancongan negara ini. Misalnya pembangunan sektor lain banyak memerlukan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas yang lain yang juga diperlukan oleh industri pelancongan. Oleh itu, pembangunan industri lain secara keseluruhan untuk pembangunan ekonomi turut merangsang perkembangan industri pelancongan

di negara ini. Manakala bagi Hong Kong dan Singapura didapati perkembangan pelancongan mempengaruhi pertumbuhan ekonomi. Keadaan ini mungkin benar kerana kedua-dua negara kecil ini begitu bergantung kepada industri pelancongan sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negara.

KESIMPULAN

Pemakaian kaedah kointegrasi dan ujian penyebab Granger untuk melihat arah hubungan antara pelancongan dan pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara masih agak baru. Sejauh ini hanya beberapa buah negara seperti Sepanyol, Greece, Korea Selatan dan Taiwan sahaja telah melakukannya. Hasil kajian mereka adalah berbeza mengikut pengalaman yang dilalui mereka dalam membangunkan industri ini di negara mereka.

Kajian ini juga tidak banyak berbeza dengan kajian terdahulu, di mana secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan tiada satu kesamaan bentuk hubungan antara pasaran kukuh dan pasaran baru. Bagi pasaran kukuh United Kingdom dan Itali didapati industri pelancongan merupakan penyebab kepada pertumbuhan ekonomi manakala bagi negara Amerika Syarikat dan Sepanyol pertumbuhan ekonomi pula yang mempengaruhi perkembangan industri. Bagi pasaran baru iaitu Malaysia dan China, pertumbuhan ekonomi adalah signifikan mempengaruhi perkembangan industri pelancongan manakala bagi Hong Kong dan Singapura pula industri pelancongan yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi.

RUJUKAN

- Amaoeteng, K. & Amoaka-Adu, B. 1996. Economics growth, export and external debt causality: The case of African countries. *Applied Economics* 28: 21-27.
- Balaguer, L., & Cantavella-Jorda, M. 2002. Tourism as a long run economic growth factor The spanish case. *Applied Economics* 34: 877-884.
- Balassa, B. 1977. Exports and economic growth: Further evidence. *Journal of Development Economics* 5(2): 181-189.
- Borensztein, E., Gregorio, J.D & Lee. 1998. How does foreign direct investment affect economic growth? *Journal of International Economics* 45: 115-135.
- Cheung, Y.W., & Lai, K.S. 1993. Finite-sample size of Johansen's likelihood ratio test for cointegration. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics* 55: 313-328.
- Dalamagas, B. 2000. Public sector and economic growth: The Greek experience. *Applied Economics* 32: 277-288
- Demetriades, P.O., & Hussein, K.A. 1996. Does financial development cause economic growth? Time series evidence from 16 countries (Dept. of Economics Working Paper, No. 4). University of East London.
- Dickey, D.A., & Fuller, W.A. 1979. Distributions of the estimators for autoregressive time series with a unit root. *Journal of the American Statistical Association* 74: 427-431.
- Dodaro, S. 1993. Exports and growth: A reconsideration of causality. *Journal of Developing Areas* 27: 427-431.
- Dritsakis, N. 2005. Tourism as a long-run economic growth factor: An empirical investigation for Greece using causality analysis. *Tourism Economics* 10(3): 305-316.
- Engle R.F., & Granger C.W.J. 1987. Cointegration and error correction: representation, estimation and testing. *Econometrica* 55: 251-276.
- Esfahani, H.S. 1991. Export, import and economic growth in semi industrialised countries. *Journal of Development Economics* 35: 93-116.
- Ghali, K.H. 1998. Government size and economic growth :Evidence from a multivariate cointegration analysis. *Applied Economics* 31: 975-987.
- Granger, C.W.J. 1986. Developments in the study of cointegrated economic variables. *Oxford Bulletin of Economic and Statistics* 48: 213-228.
- Granger, C.W.J. 1988. Causality, cointegration and control. *Journal of Economic Dynamics and Control* 12: 551-559.
- Gonzalo, J. 1994. Comparison of five alternative methods of estimating long run equilibrium relationship. *Journal of Econometrics* 60: 203-233.
- Grossman, D.N. 2003. Growth in government and economic growth: The Australian experience. *Australian Economic Papers* 27: 33-43.
- Gujarati, D.N. 2003. *Basic Econometrics* 4th Edition McGraw Hill International Edition.
- International Financial Statistics. 2005. Database January 2005, International Monetary Fund, Washington, DC USA.
- Johansen, A. & Juselius. 1990. Maximum Likelihood estimation and inference on cointegration with application to the demand for money. *Oxford Bulletin of Economics and Statistics* 52: 169-209.
- Johansen, S. 1988. Statistical analysis of cointegration vectors. *Journal of Economic Dynamics and Control* 12: 231-254.
- Kim, H.J., Chen, M.H., & Jhen, S.S. 2005. Tourism expansion and economic development: The case of Taiwan. *Tourism Management*, [www.sciencedirect.com - diakses pada 11 Ogos 2005].
- Liu, X., Burridge, P., & Sinclair, P.J.N. 2002. Relationships between economic growth, foreign direct investment and trade: Evidence from China. *Applied Economics* 34: 1433-1440.
- Mohd Azlan Shah Zaidi, Zulkefly Abdul Karim & Aminudin Mokhtar. 2003. Pelaburan langsung asing (PLA) dan pertumbuhan ekonomi: Bukti Empirikal. *Jurnal ANALISIS* 10(2): 223-249.
- Murinde, V., & Eng, F.S. 1994. Financial development and economic growth in Singapore: Demand-following or supply-leading? *Applied Financial Economics* 4: 391-404.
- Oh, C.O. 2005. The contribution of tourism development to economic growth in the Korean economy. *Tourism Management* 26: 39-44.
- Ram, R. 1986. Government size and economic growth: A new framework and some evidence from cross-section and time-series data. *American Economic Review* 76: 190-203.
- Shan, J. 2002. A VAR approach to the economics of FDI in China, *Applied Economics* 34: 885-893.
- Shan, J., & Sun, F. 1998. On the export-led growth hypothesis: The economic evidence from China. *Applied Economics* 30: 1055-1065.

- Song, H. and Witt. S.F. 2000. *Tourism Demand Modeling and Forecasting: Modern Econometric Approaches*. Amsterdam: Pergamon.
- Statistik Pelancongan Malaysia. 2004. *Tourism Malaysia* (atas talian), [<http://www.tourism.gov.my> - di akses pada 20 Ogos 2005].
- Thornton, J. 1997. Export and economic growth: Evidence from 19th Century Europe. *Economic Letters* 46: 149-158.
- World Bank. 2008. *World Development Indicator 2008*. CD-ROM. New York: World Bank.
- World Tourism Organization. (various years). *Yearbook of Tourism Statistic*. Madrid: World Tourism Organization.
- Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E.
norlidahanim@gmail.com